

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 28 JULAI 2023
AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 2

2 tumpuan utama struktur ekonomi

The front page of Berita Harian features a large banner at the top with the text "EKONOMI MADANI" and "Memperkasa Rakyat". Below the banner, the main headline reads "2 tumpuan utama struktur ekonomi". To the left of the headline is a box containing a quote from Anwar Ibrahim. To the right is a photograph of Anwar Ibrahim speaking at a podium, with a chart showing a 220% increase in trade volume.

Pelbagai inisiatif dilaksana angkat semula darjat, martabat negara

Oleh Hazwan Faisal Mohamad dan Ahmad Suhael Adnan
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Datuk Seri Anwar Ibrahim semalam melancarkan Ekonomi MADANI: Memperkasa Rakyat sebagai kerangka ekonomi baharu Malaysia bertujuan untuk mengangkat semula darjat dan martabat negara.

Perdana Menteri berkata, kerangka itu akan menstruktur semula ekonomi ke arah menjadikan Malaysia sebagai peneraju ekonomi di rantau Asia Tenggara, sekaligus memberi limpahan hasil kepada rakyat untuk meningkatkan kehidupan lebih bermakna.

Kerangka ekonomi yang baharu ini adalah tawaran Kerajaan Perpaduan untuk mengelarkan negara yang terperangkap dalam kitaran ekonomi yang berbahaya, kos tinggi, gaji rendah, keuntungan rendah dan kurang nilai dasa saing.

Ia juga menyebabkan purata pendapatan yang tidak sepadan dengan lonjakan ekonomi, searah isi rumah terbaharuh dibanding dengan hutang.

la juga menyebabkan purata gaji dan upah tenaga kerja masih rendah jauh sekitar 35 peratus, deficit belanjangan berterusan sejak 1998 dengan angka hutang dijangka mencecah lebih 60 peratus berbanding Keharian Dalam Negara Kasar (KDNK) 2023 akan memberi kesan yang parah kepada ekonomi negara.

Selain itu, negara terbebas dengan hutang yang membengkak dan 16 peratus hasil negara dipurutukan hanya untuk melunaskan hutang.

Laporan Survei Gaji dan Upah 2021 mendedahkan kementerian akibat gaji yang rendah, khususnya membebaskan golongan muda berumur 24 tahun ke bawah. Gaji bagi separuh pekerja Malaysia kurang daripada RM2,250 sebulan.

"Gejala ini dikhawatir akan mengakibatkan kita menempuh kepada pembangunan yang akan menjamin keselahan rakyat termasuk pelaburan awam serta penjanjana kebolehupayaan

Perdana Menteri berucap pada Majlis Pelancaran Ekonomi MADANI: Memperkasa Rakyat di Kuala Lumpur, semalam.

(Foto Azizuddin Saad/bh)

ekonomi," katanya.

Oleh itu, Anwar berkata - Ekonomi MADANI: Memperkasa Rakyat, adalah perihal mengangkat semula darjat dan martabat negara ini dengan dua tumpuan utama iaitu: menstruktur semula ekonomi ke arah Malaysia sebagai peneraju ekonomi Asia, dan memberi limpahan hasil kepada rakyat untuk meningkatkan kehidupan yang lebih berkualiti.

"Ini adalah sebuah rencana mencakupi isu jangka panjang terkait daya saing dan daya tarikan negara sebagai destinasi pelaburan."

"Juga membabitkan isu semasa yang perlu segera ditangani seperti kenaikan kos sara hidup yang mengesankan rakyat," katanya berucap pada Pelancaran Ekonomi MADANI: Memperkasa Rakyat di sini, semalam.

Perkemas secara teliti

Anwar yang juga Menteri Kewangan berkata, perkongsian mengenai Ekonomi MADANI telah ditelusuri bersama pakar ekonomi, perancang dan penjawat awam.

Katanya, kerangka kebijakan itu diperkenas selepas mendapat pandangan pekerja, petani, golongan wanita, neronka dan bella dalam siri wacana berterusan sekali gus menjadikan pertemuan di masjid, warung dan universiti cukup mengesankan.

"Ikhlas yang ingin diperkenalkan ini adalah perencanaan ba-

haru membentuk perihal bagi sektor dan aspek ekonomi. Perancangan ini meliputi langkah ke arah peningkatan pemacutan ekonomi, menggalakkan pelaburan dan memperkuatkan industri tempatan supaya lebih inovatif dan berdaya saing serta mampu dijonjokkan ke pasaran global.

"Ekonomi rakyat menjurus kepada setiap golongan masyarakat dari pedagang dan pengusaha kepada penjawat awam dan golongan profesional, pekerja serta rakyat miskin bandar, desa dan pedalaman."

"Usaha kerajaan juga adalah untuk menyediakan bantuan serupa dukungan kepada yang memerlukan supaya semua mampu mengelakkan nikmat pembangunan ekonomi negara secara saksama," katanya.

Ekonomi MADANI menetapkan tujuh penanda aras sebagai sasaran jangka sederhana yang mahu dicapai dalam tempoh 10 tahun.

Tujuh penanda aras itu adalah Malaysia berada di kedudukan 30 ekonomi terbesar di dunia; Indeks Daya Saing Global di tangga ke-12 teratas dunia; peratusan pendapatan buruh mencapai 45 peratus daripada jumlah keseluruhan pendapatan; kadar penyataan wanita dalam tenaga buruh mencapai 50 peratus.

Indeks Pembangunan Manusia di tangga 10 teratas dunia; Indeks Persepsi Rasmi di tangga 25 teratas dunia dan kemampuan fiskal dengan defisit fiskal mencapai tiga peratus atau lebih rendah.